

**TEKS UCAPAN
YBHG. PROFESOR DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PROGRAM *CONTINUAL QUALITY IMPROVEMENT DISCOURSE*
(CQID) 2019**

**11 November 2019, 2.30 petang
Dewan Auditorium UTeM**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Melaka Berwibawa, Pintar Hijau Bersih.

**1. Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Khairul Salleh bin
Mohamed Sahari**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti), Agensi
Kelayakan Malaysia (MQA), dan

2. Yang Berusaha Profesor Madya Ts. Dr. Muhamad Shahbani bin Abu Bakar

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Strategik National Outcome Based Learning (NOBLE) merangkap penceramah pada petang ini,

3. Yang Berbahagia Profesor Teknologis Dr. Rabiah Ahmad

Pengarah, Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko
UTeM

Pegawai-Pegawai kanan universiti, ahli-ahli Majlis
Pengurusan Kualiti Universiti Awam, wakil-wakil dari
Universiti Awam, staf, hadirin dan hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita merafa'kan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang mengizinkan kita untuk berhimpun pada petang ini bersempena Program Continual Quality Improvement Discourse 2019 anjuran Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti dan Risiko (PPSKR), Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada petang ini.

2. Dikesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Datang kepada semua tetamu; ahli Majlis Pengurusan Kualiti Universiti Awam dan wakil-wakil Universiti Awam, ke Kampus Induk UTeM.

Bunga Cempaka Berbau Harum,
Indah Tersusun Di Taman Ini,
Hati Gembira Menguntum Senyum,
Melihat Tuan Puan Beramai Di Sini

3. UTeM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi TVET negara, senantiasa meletakkan agenda pemerkasaan pendidikan TVET antara yang terpenting, supaya bidang ini terus menjadi pilihan utama di hati masyarakat sekali gus merealisasikan aspirasi Kementerian dalam mengarusperdanakan bidang pendidikan yang berpotensi tinggi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Alhamdulillah, seperti mana yang semua sedia maklum, Kerajaan telah memperuntukkan bajet sebanyak RM5.9 bilion bagi pemerkasaan pendidikan TVET negara semasa pembentangan belanjawan 2020 baru-baru ini. Ini jelas membuktikan bahawa bidang ini amat penting kepada negara kita, terutamanya di dalam fasa mencapai status negara maju menjelang 2030.

5. Modal insan yang dilahirkan menerusi bidang ini ternyata memiliki kepakaran dan kemahiran tinggi, yang berupaya menjadi agen perubahan dalam mentransformasikan pembangunan dan kemajuan negara ke arah yang lebih mapan.
6. Dalam aspek pembangunan pendidikan tinggi TVET negara pula, UTeM sendiri mensasarkan untuk menawarkan sehingga 10 program baru Sarjana Muda Teknologi (B.Tech) yang mana dua daripadanya telah ditawarkan mulai September 2019,

manakala empat program disasar untuk ditawarkan mulai tahun 2020, dan selebihnya empat program lagi masih di dalam pembangunan.

7. Dalam menyokong usaha ini, pihak kerajaan juga telah memperkenalkan Malaysia Qualifications Framework Second

Edition, dengan perubahan dari tiga sektor kepada dua sektor sahaja iaitu sektor akademik dan sektor TVET yang menggabungkan sektor kemahiran, vokasional dan teknikal yang tersenarai dalam Kerangka Edisi Pertama.

8. Selain daripada itu, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia juga telah membangunkan Kod Amalan Akreditasi

Program TVET atau COPTPA bagi mengendalikan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal bagi semua program TVET, dengan mengambil kira tujuh bidang penilaian dan keperluan dibezakan bagi setiap jenis TVET program.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

9. Bagi menerangkan perkara ini dengan lebih lanjut dan jelas, maka pada petang ini, kita berasa amat bertuah kerana dua orang penceramah yang berpengetahuan luas dalam bidang

ini, bakal berkongsikan kepada kita semua perkara penting yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam memantapkan lagi keberkesanan dalam melaksanakan tugas masing-masing.

10. Kepada para hadirin sekalian, gunakanlah peluang ini dengan sebaik-baiknya untuk berinteraksi dengan para penceramah supaya segala kekaburan atau kekeliruan mendapat penjelasan yang menyeluruh.

11. Dengan ini, saya sudah ucapkan dengan Wabillahitaufik
Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh